

UM - 20/6/07

Malaysia minta Rusia main peranan

MOSCOW 19 Jun - Malaysia meminta Rusia memainkan peranan lebih besar bagi membantu mencari penyelesaian kepada isu keselamatan di Asia Barat termasuk krisis terbaru di Palestin.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Malaysia berharap Rusia boleh mendapatkan kata sepakat dan kerjasama semua pihak yang terlibat agar memberikan perhatian segera menamatkan penderitaan rakyat Palestin, lebih-lebih lagi dengan apa yang terjadi di Gaza.

Katanya, Malaysia selama ini mengiktiraf peranan negara tersebut dalam mencari penyelesaian dan memulihkan keamanan dunia.

"Keyakinan kami berasaskan kemampuan dan kesungguhan yang ada pada Rusia," katanya.

Harapan itu dinyatakan oleh Perdana Menteri ketika menyampaikan ucapan pada majlis makan malam yang dihoskan oleh Presiden Rusia, Vladimir V. Putin sempena lawatannya ke Rusia.

Dalam hal ehwal antarabangsa, Abdullah berkata, Kuala Lumpur menghargai peranan Moscow berdasarkan banyak pendirian konstruktifnya menerusi Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Menurut beliau, Malaysia juga menyokong pendekatan Rusia yang lebih mengutamakan perundingan berbanding mengenakan sekatan dalam isu-isu dan persoalan yang kritikal.

Dalam hubungan ini, Malaysia mendukung kuat multilateralisme sebagai penyelesaian kepada permasalahan dunia dan akan bekerjasama dengan Rusia bagi mencapai objektif keamanan dan keselamatan antarabangsa.

Perdana Menteri turut memuji kepimpinan Presiden Putin yang telah berjaya membawa pembaharuan terutama dalam pencapaian ekonomi.

Ucapan beliau turut menekankan betapa banyak lagi usaha dan pelaburan diperlukan bagi meningkatkan perdagangan dua hala terutama berkaitan barangan dan perkhidmatan, yang masih kecil pada masa ini.

Katanya, Malaysia sedia meneroka projek usaha sama dengan Rusia dalam beberapa bidang antaranya perkhidmatan perbankan Islam dan pengurusan lapangan terbang dan pelabuhan.

Abdullah juga melahirkan rasa gembira sempena ulang tahun ke-40 jalinan diplomatik Malaysia-Rusia, pada tahun ini sambil berharap hubungan tersebut akan mencapai tahap yang lebih tinggi.

- Utusan